

# PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KALUMPANG

Balairaya Kg Gumut  
44100 Kalumpang  
Selangor

EMAIL: kalumpang@pi1m.com.my Website: kalumpang.pi1m.my

---

Rujukan Kami : B03C001/AM/2017/BIL(2)  
Rujukan Tuan :  
Tarikh : 28 MEI 2017

## DR. MAIZATUL HAYATI BINTI MOHAMAD YATIM

Dekan  
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dr.,

### MEMOHON PESERTA BAGI MENYERTAI PERTANDINGAN VIDEO "TIDAK PASTI, JANGAN KONGSI"

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg Dr., pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di bawah Jabatan Advokasi dan Jangkauan (AOD) akan menganjurkan satu pertandingan video pendek mengenai isu penyebaran maklumat yang megelirukan/ palsu bagi komuniti Pusat Internet 1Malaysia (PI1M). Pertandingan video pendek ini bertemakan "Tidak Pasti, Jangan Kongsi" akan bermula pada 1 Jun 2017 sehingga 3 Julai 2017 dan menggunakan Facebook sebagai platform.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan rendah hati ingin memohon peserta daripada penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mahir di dalam bidang multimedia bagi menyertai pertandingan ini bagi mewakili PI1M Kalumpang dan pada masa sama mengeratkan lagi hubungan di antara PI1M Kalumpang bersama UPSI.

4. Untuk makluman pihak YBhg Dr., jumlah peserta yang diperlukan adalah sebanyak **dua (2) kumpulan** dan setiap kumpulan boleh terdiri dari **empat (4) hingga ke enam (6) orang**. Walaubagaimanapun, setiap peserta tersebut haruslah terlebih **mendaftar sebagai ahli PI1M Kalumpang dengan bayaran RM5.00 untuk seumur hidup** kerana syarat utama penyertaan mestilah dikalangan ahli PI1M yang berdaftar sahaja.

5. Bersama ini dilampirkan maklumat, syarat dan hadiah bagi pertandingan tersebut di atas untuk rujukan pihak YBhg Dr. Bagi sebarang pertanyaan, pihak YBhg Dr. boleh menghubungi saya di talian **012-6382863** atau melalui email **kalumpang@pi1m.com.my**.

Perhatian, kerjasama dan bantuan pihak YBhg Dr. terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Faizal', written over a horizontal line.

(Faizal Bin Baharom)

Pengurus Pusat Internet 1Malaysia  
Kalumpang, Selangor.